



7 BUDAK ORANG ASLI HILANG

MIDAH Angah ditenangkan anggota keluarga selepas anaknya, Norieen Yaakob ditemui selamat. Gambar kecil, Ika



AHLI keluarga kanak-kanak hilang pengsan di pekarangan Hospital Gua Musang.

'Cam gelang dipakai Ika'

Harian Metro
10/10/2015
mls 12

Hati bapa terdetik mayat ditemui anak sendiri

caman mayat dibuat Avel beradik itu. dan isteri, Nora Tegeu, 39, di Hospital Gua Musang (HGM), di sini sem- Ketika melakukan pe- ngecaman, dia membe- ritahu mengenali Ika berdasarkan gelang manik

KES ORANG HILANG DALAM HUTAN



9 OKTOBER 2015

Dua daripada tujuh murid hilang dari Kampung Gawin dan Penad, Gua Musang, Kelantan ditemui selamat selepas 48 hari hilang di hutan bersama rakan mereka selepas dikatakan melarikan diri dari asrama sekolah kerana bimbang dimarahi guru akibat mandi sungai.

Norieen Yakob, 10 dan Mirsudir Aluj, 11, ditemui dalam keadaan kekurangan zat makanan dan dihantar ke Hospital Gua Musang sebelum dipindahkan ke Hospital Raja Perempuan Zainab II.

10 NOVEMBER 2004

Tiga kanak-kanak berusia tiga hingga enam tahun ditemui selamat selepas dikatakan lima hari hilang ketika bermain di ladang getah, dekat rumah, mereka di Felcra Mambang Seberang, Pekan, Pahang. Saharuddin, 6, Budin, 5, dan Mariam Salehuddin, 3, ditemui dalam keadaan tidak berbau di pulau kecil dalam kawasan berpayu berhampiran Kampung Tanjung Cempaka.

16 OGOS 2003

Tiga anggota polis ditemui selepas dikatakan hilang enam hari di hutan ketika melakukan operasi mengesan lima pendaki sesat di hutan Gunung Brincang, Tanah Rata, Cameron Highlands. Ketiga-tiga mereka, Lans Koperah Mohd Amran Yahya, 39, Jari Sungai Manik

Kongsi kisah sesat di hutan

Umar ahadkan pengalaman dalam buku

Umar Ahmad



Umar Ahmad Kongsi kisah sesat di hutan

Oleh Maiamalina
Mohamed Amin
maiamalina@hmetro.com.my
Gua Musang

“Mereka berdua memang rapat, ke mana mana pun berdua dan melakukan aktiviti bersa-

ma sama. “Apabila mereka kata jumpa Norieen (Yaakob) dan Mirsudiar (Alui) bersama mayat, hati saya terdetik itu Ika,” kata Ayel Ajib, 46, bapa kepada Ika, 9.

Murid tahun tiga Sekolah Kebangsaan Tohoi itu dishahkan mati selepas penge-

sini, semalam.

Ayel berkata, dia menerima takdir itu walaupun hatinya masih terluka dengan kematian anak ke-8 daripada 10



gelang manik dipakai pada tangannya.

“Gelang warna hitam putih itu buatan isteri saya. Isteri cam itu corak yang dia buat, selain baju T dan seluar sukan dipakai,” katanya.

Miliki ikhtiar hidup tinggi

Kuala Lumpur: Dua murid Orang Asli SK Tohoi, Gua Musang yang ditemui pasukan penyelamat dalam keadaan lemah dan cengkung semalam, dipercayai mempunyai daya ikhtiar hidup serta ketahanan diri di hutan yang tinggi.

Pengerusi Yayasan Keprihatinan Komuniti Malaysia, Halim Ishak berkata, kanak-kanak Orang Asli biasanya sudah dididik dengan asas hidup di hutan yang kuat berbanding anak tempatan.

“Mereka ini biasanya didedahkan dengan ilmu ikhtiar hidup di hutan sejak ber-

umur tujuh ke lapan tahun.

“Pada usia ini, mereka juga sudah mahir dengan kawasan hutan sekitar perkembangan berikutan kerap dibawa berburu dan mencari sumber rezeki lain,” katanya kepada Harian Metro.

Begitupun, bekas Jurulatih Selam Tempur VAT69 itu tidak menolak adanya unsur alam mistik dalam kes kehilangan tujuh anak Orang Asli terbabit sejak 23 Ogos lalu.

“Kita pasti, daya ikhtiar hidup mereka ini (anak Orang Asli) memang jauh lebih tinggi berbanding anak tempatan lain,” katanya.

‘Hanya kami yang hidup’

Gua Musang: Salah seorang kanak-kanak yang ditemui masih hidup selepas 48 hari hilang mendakwa hanya mereka yang hidup manakala lima lagi rakan meninggal dunia.

Siti Kasim yang juga peguam dilantik menjaga kebajikan keluarga mangsa yang hilang berkata, perkara itu dimaklumkan Norieen Yaakob, 10, kepada ibunya, Midah Angah, 38, ketika ditemui di Hospital Gua Musang (HGM) sebaik penyelamat, tengah hari semalam.

Katanya, maklumat berkenaan dimaklumkan kepadanya oleh adik Midah, He-

nry Angah di HGM sebelum kanak-kanak itu dibawa ke Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu untuk rawatan lanjut. “Norieen mendakwa yang pertama mati ialah juvida David, 7, diikuti Haikal Yacoob, 8, Sasa Sobrie, 8, Ika Ayel, 9, dan Linda Rosli, 8.

“Dia memaklumkan semua rakannya mati kerana kelaparan dan keletihan manakala Haikal lemas ketika menyeberang Sungai Perias,” katanya.

Menurutnya, Norieen mendakwa mereka turut diberi makan ‘individu’ menyebabkan mereka masih lagi hidup.

26 FEBRUARI 2008

Pelajar UiTM Arau, Perlis, Nur Umaisarah Sameaun yang hilang selama 19 hari di hutan Taman Negara Pahang ditemui selamat dan hanya bertahan dengan minum air sungai.

Dia dikatakan tersesat selepas terpisah daripada sekumpulan 36 rakannya yang mahu menuruni Gunung Tahan pada 7 Februari 2008.

Nur Umaisarah atau Umair yang mengibaratkan pengalaman itu ibarat mati hidup semula kemudian mengabadikannya dalam sebuah buku bertajuk ‘19 Hari Sesat Di Gunung Tahan’.

6 JUN 2005

Tiga beradik, Chew Tsy Yee, 16, Chew Tsy Han, 14, Chew Tsy Ming, 10, serta sepupu mereka, Jeremy Teo, 9, dilaporkan hilang di Bukit Fraser selama dua hari sebelum dijumpai berhampiran sebatang sungai yang dikenali sebagai Sungai Sempang oleh empat Orang Asli yang diketuai Tok Batin Chambah Mohamad, 48, dari Serendah, Kuala Kubu Baru.



28 hari sesat di Gunung Tahan yang dihidupkan.

Kedah, hilang kerana terpisah selepas melalui susur denai sebelah barat hutan.

21 JULAI 1997

Tiga beranak yang dilaporkan sesat dalam hutan simpan Jerangau, Hulu Terengganu selama tiga hari berjaya ditemui oleh tiga kontraktor Tenaga Nasional Bhd (TNB) berhampiran Felda Mengkawang.

Mereka ditemui pekerja TNB berkenaan yang kebetulan menjalankan kerja memasak kabel bervoltan tinggi dalam hutan itu.

21 NOVEMBER 1994

Dua beranak dari Kampung Cenderong Lebam, Durian Kasim, Ajil, Hulu Terengganu, ditemui selepas sesat di hutan Cakuh Sembilan, selama lima hari.

Abdul Rahman Mat, 30, dan anak tirinya Saiful Salijan Mat Rani, 20, hilang selepas dikatakan mahu mencari sempadan balak di hutan terbabit.

Amran Yahya, 39, dari Sungai Manik, Teluk Intan, Perak, Konstabel Nik Mohd Afizon Nik Ariffin, 24, dari Bachok, Kelantan dan Konstabel Mohd Zulkhairi Zubir, 22 dari Alor Star,